

# Bekalan air perlu

UM 29 MAR 2002

**S**HAH ALAM 28 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, perkhidmatan bekalan air perlu diswastakan bagi membolehkan rakyat menikmati mutu air yang lebih baik.

Perdana Menteri berkata, jika tidak dilaksanakan, perkhidmatan bekalan air akan terus berada di takuk lama.

“Kalau anda mahu mutu air seperti yang ditunjukkan dalam akhbar hari ini, tidak mengapalah kerana kerajaan boleh meneruskan (pengurusan perkhidmatan air).

“Kerajaan tidak boleh menjamin apa-apa, tetapi cuba buat sedikit

perbandingan bagaimana dulu kita tak ada lebuhraya, tetapi sekarang kita ada lebuhraya dengan penswastasaan (malah), kita ada sistem lebuhraya terbaik di seluruh Asia Tenggara,” katanya.

Perdana Menteri mengulas bantahan banyak pihak terhadap cadangan Kementerian Kerja Raya untuk menswastakan semua perkhidmatan bekalan air bagi mengatasi masalah bekalan jangka panjang.

Dr. Mahathir berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan pelancaran anak syarikat Muhibbah Engineering (M) Bhd., Favelle Favco Cranes (M) Sdn.

Bhd., dan kren buatan Malaysia yang diberi nama Bangau di Jalan Kampung Jawa di sini hari ini.

Menurut Perdana Menteri lagi, kerajaan belum membuat apa-apa cadangan mengenai penswastasaan perkhidmatan bekalan air itu, tetapi rakyat tidak boleh selamalamanya menutup fikiran mereka kepada perubahan.

Beliau menambah, rujukan terhadap projek-projek penswastasaan yang gagal kerana kegawatan ekonomi seperti Malaysia Airline System Bhd. (MAS) harus dihentikan bagi memastikan negara dapat terus dimajukan.

## diswastakan — PM

“Kalau kerana MAS sahaja kita tidak berani membuat penswastasaan, saya ingat kita akan jadi mundur.

“Kita tunjukkan juga penswastasaan yang berjaya, jangan tunjuk yang gagal sahaja kerana kalau anak kita belajar tidak lulus, adakah kita tak menghantar anak yang lain untuk belajar? Adakah ini sikap kita?” soal Perdana Menteri.

Mengambil contoh Telekom Malaysia Bhd. (Telekom), Dr. Mahathir berkata, para pengguna tidak akan dapat menikmati kemudahan yang ada sekarang sekiranya Jabatan Telekom tidak diswastakan.

“Sekarang jumlah dagangan Telekom bernilai RM2 bilion dan kita kutip cukai daripada Telekom serta gunakan untuk kebaikan rakyat sedangkan dahulu kerajaan bagi Jabatan Telekom RM200 juta setiap tahun,” ujarnya.

Mengenai pemaparan gambar keotoran air dalam akhbar hari ini, Perdana Menteri berkata: “Kita iklankan betapa teruknya (air) kita supaya orang luar tidak datang, sedangkan kalau saya pergi ke negara lain, udaranya saya nak bemafas pun tidak boleh, tetapi tidak pula masuk surat khabar.”

Sementara itu, di Cyberjaya,

Timbalan Perdana Menteri. Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kajian teliti akan dibuat sebelum penswastasaan berkenaan.

Menurutnya, kerajaan akan tetap mengambil kira kesan ke atas rakyat serta aspek untung rugi sesuatu projek itu sebelum ia diswastakan.

“Dalam apa jua program penswastasaan, kerajaan mahukan syarikat (yang diberi hak penswastasaan) memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat,” katanya.

Abdullah berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Shell Information Technology International Sdn. Bhd.